



14 Mac 2016  
14 March 2016  
P.U. (A) 61

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PAROL)  
(PINDAAN) 2016

*PRISON (PAROLE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENJARA 1995

PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PAROL) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 67 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penjara (Parol) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2016.

**Peraturan baharu 1A**

2. Peraturan-Peraturan Penjara (Parol) 2010 [*P.U. (A) 430/2010*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 1 peraturan yang berikut:

**“Pemakaian**

1A. Peraturan-Peraturan ini hendaklah juga terpakai kepada banduan yang dipindahkan ke Malaysia di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [*Akta 754*].”.

**Pindaan peraturan 6**

3. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Sesuatu Lembaga Parol hendaklah—

(a) bersidang untuk menimbang permohonan bagi pembebasan parol seseorang banduan dalam masa empat belas hari dari tarikh banduan itu layak untuk parol; dan

- (b) bersidang untuk menimbang permohonan bagi pembebasan parol seseorang banduan yang dipindahkan ke Malaysia, dalam masa empat belas hari dari tarikh waran atau perintah yang dikeluarkan oleh Negara asing yang ditetapkan didaftarkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di bawah seksyen 13 Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012.”.

Dibuat 1 Mac 2016

[KDN.PDP(S)03/147/11/1 JLD 3; PN(PU2)163/XV]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Menteri Dalam Negeri*

PRISONS ACT 1995

PRISONS (PAROLE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by section 67 of the Prisons Act 1995 [Act 537], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Prisons (Parole) (Amendment) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 15 March 2016.

**New regulation 1A**

2. Prison (Parole) Regulations 2010 [*P.U. (A) 430/2010*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 1 the following regulation:

**“Application**

1A. These Regulations shall also apply to a transferred prisoner to Malaysia under the International Transfer of Prisoners Act 2012 [*Act 754*].”.

**Amendment of regulation 6**

3. Regulation 6 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A Parole Board shall—

(a) sit to consider an application for parole release of a prisoner within fourteen days from the date the prisoner is eligible for parole; and

- (b) sit to consider an application for parole release of a transferred prisoner to Malaysia, within fourteen days from the date of the warrant or order issued by the prescribed foreign State is registered by a Sessions Court Judge under section 13 of the International Transfer of Prisoners Act 2012.”.

Made 1 March 2016

[KDN.PDP(S)03/147/11/1 JLD 3; PN(PU2)163/XV]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Minister of Home Affairs*